

# Ada SJKC sudah ajar Matematik, Sains dalam BI — PM

UM 25 OCT 2012  
ALOR STAR 24 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, terdapat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang sudah pun mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Oleh itu, kata beliau kerajaan tidak boleh memaksa sekolah-sekolah berkenaan yang telah pun menggunakan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran tersebut supaya menukarkannya balik.

"Kita tak boleh paksa mereka balik ke belakang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut empat parti komponen Cina dalam Barisan Nasional (BN) mengadakan mesyuarat semalam untuk membincangkan pendekatan yang sesuai bagi melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di sekolah-sekolah Cina.

Presiden MCA Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik sebelum ini berkata, parti-parti Cina dalam BN mencadangkan agar SJKC dikecualikan daripada menggunakan bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran itu semasa waktu sekolah.

Parti-parti itu sebaliknya mencadangkan agar Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris di dalam kelas tambahan di luar waktu biasa sekolah.